

TARIKH	RABU, 5 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KUASA DUNIA TEKAD HALANG GUNA SENJATA NUKLEAR
M/S	39
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	NUCLEAR

Kuasa dunia tekad halang guna senjata nuklear



Kuasa besar, China, Perancis, Russia, UK dan AS komited mengendurkan ketegangan Barat-Timur yang semakin meningkat. (Foto AFP)

Komited kurang ketegangan Barat-Timur, elak cetus perang

Paris: Lima kuasa nuklear global berikrar menghalang penggunaan senjata atom secara berleluasa dan mengelak konflik nuklear.

Negara terbabit, China, Perancis, Russia, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) komited mengendurkan ketegangan Barat-Timur yang semakin meningkat bagi memastikan matlamat dunia bebas nuklear dikalkalkan.

Anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) itu berkata, mereka percaya penggunaan senjata nuklear secara berleluasa perlu dihalang, selain memastikan perang nuklear tidak terçetus atau dimenangi mana-mana pihak.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas semakan terbaru Perjanjian mengenai Non-Proliferasi Senjata Nuklear (NPT) ditangguhkan daripada jadual asal pada 4 Januari hingga akhir tahun ini susulan penularan COVID-19.

Di sebalik ketegangan antara China dan Russia serta rakan sekutu Barat mereka baru-baru ini, lima kuasa dunia terbabit berkata, mereka bertanggungjawab untuk mencegah perang antara negara senjata nuklear terçetus.

"Kami berhasrat mengekal dan mengukuhkan lagi langkah mencegah penggunaan senjata nuklear," kata kenyataan bersama itu.

Semua negara itu turut berikrar mematuhi artikel penting dalam NPT, yang mana pelucutan senjata nuklear sepenuhnya masa depan yang pernah digunakan ketika AS menyerang Jepun pada akhir Perang Dunia II.

"Kami komited terhadap kewajipan NPT, termasuk Artikel 6 mengenai perjanjian pelucutan senjata am dan lengkap di bawah kawalan ketat," kata negara terbabit.

Menurut PBB, sebanyak 191 negeri menyertai perjanjian itu dengan peruntukannya memerlukan kajian semula setiap lima tahun.

Kenyataan itu juga muncul ketika ketegangan memuncak antara Russia dan AS yang jarang dilihat sejak Perang Dingin susulan pertambahan tentera Moscow berhampiran sempadan Ukraine.

Rundingan antara Russia dan AS mengenai keselamatan Eropah dijangka berlangsung di Geneva pada 10 Januari ini.

Kebangkitan China di bawah Presiden Xi Jinping juga mendasari kebimbangan negara terbabit khususnya susulan ancaman tidak langsung Beijing ke atas Taiwan kebelakangan ini. AFP

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM